

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Al-Quran al-Karim merupakan sebuah kitab yang diturunkan oleh Allah SWT dalam bahasa Arab. Ia merupakan kitab mukjizat dalam semua aspeknya sama ada bahasa mahu pun isi kandungannya. Antara aspek-aspek ini, aspek yang paling terunggul ialah aspek bahasanya, bertepatan dengan suasana semasa al-Quran diturunkan, iaitu zaman orang-orang Arab sangat terkenal dengan kehebatan berbahasa yang tinggi. Bahasanya adalah amat halus, seni dan unik. Ia mempunyai kehalusan dan keseniannya yang tesendiri sehingga tidak mampu ditandingi bukan sahaja di zaman dahulu malah sampai hari qiamat.

Kajian mengenai bahasa al-Quran al-Karim sangat luas, bermula dari hurufnya sehingga wacananya. Walaupun sudah banyak kajian yang dilakukan terhadapnya, namun ia tidak ada penghujungnya. Dari semasa ke semasa, pakar-pakar bahasa Arab sentiasa menemui rahsia-rahsia kesenian bahasanya. Ruang-ruang untuk mengkaji aspek-aspek bahasanya sentiasa terbuka yang perlu dikaji dan dibongkar.

Dalam konteks Malaysia, kajian mengenai bahasa al-Quran al-Karim secara amnya atau analisis bahasanya secara khasnya boleh dikatakan agak kurang dari sudut kuantiti dan kualiti. Pendedahan mengenai bahasanya kurang diberi penekanan yang sepatutnya sama ada dalam bentuk akademik apatah lagi dalam bentuk umum. Dari sudut akademik, kajian mengenai bahasa Arab lebih menjurus kepada morfologi, sintaksis dan balaghah serta pengajaran dan pembelajarannya. Dalam pada itu, bahasa al-Quran al-Karim belum dijadikan satu bidang kajian khusus, sedangkan bidang bahasa al-Quran al-Karim boleh dijadikan satu bidang yang amat besar. Manakala dari sudut umum pula, ia juga belum

diketengahkan sebagai satu fokus utama yang mempunyai pendekatan dan metode tersendiri yang bersistematik.

Penulis berpendapat bahasa al-Quran al-Karim amat perlu diberi perhatian sebagai satu bidang akademik kepada golongan terpelajar. Begitu juga, sebagai ilmu khusus yang mempunyai pendekatan dan metode tersendiri kepada masyarakat awam yang sepatutnya mereka bukan sahaja didedahkan kepada ilmu-ilmu dan ajaran-ajaran Islam sahaja, malah juga kepada bahasa al-Quran al-Karim itu sendiri.

1.1 Permasalahan Kajian

Sebagaimana dimaklumi bahawa bahasa yang digunakan dalam al-Quran al-Karim ialah bahasa Arab. Bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran al-Karim ini merupakan bahasa yang paling halus dan seni.

Persoalannya yang timbul ialah di manakah terletaknya kehalusan dan kesenian bahasa al-Quran itu secara khususnya? Dengan kata lain, apakah ciri-ciri khusus yang boleh dinyatakan mengenai kehalusan dan kesenian bahasa al-Quran? Ini merupakan persoalan umum yang timbul ketika memperkatakan tentang bahasa al-Quran al-Karim.

Bahasa Arab itu sendiri sebenarnya merupakan bahasa yang sangat halus, seni dan terperinci. Ia menyatakan dan menggambarkan sesuatu secara terperinci dengan mengambilkira makna yang halus dan perbezaan-perbezaan yang kecil. Contohnya dapat dilihat dalam kitab-kitab tertentu seperti *الْفُرُوقُ الْعَوِيّةُ* yang menerangkan perbezaan-perbezaan kecil dan halus antara perkataan-perkataan sehingga kebanyakan orang menganggapnya sebagai sinonim seperti:¹

¹ Lihat: Al-'Askariyy. al-Furuuq al-Lughawiyyat. Hal. 34-45.

- اللُّور ، الْكَذِب ، الْبُهْتَان
 - الْخَطَاء ، الْخَطَا
 - الْعَطَاء ، الْعَطَّا
 - الْلَّهُنَّ ، الْخَطَأ
 - الْحَاصِّ ، الْحُصُوص
 - الْقِرَاءَة ، التَّلَاقَة

Dari sudut penggunaannya dalam konteks ayat pula, ia digunakan secara tersurat, tersirat, majaz dan kinayah. Di samping itu, perbendaharaan katanya sangat kaya sehingga dikatakan bahawa pedang mempunyai lima puluh perkataan, singa mempunyai lima ratus perkataan dan ular mempunyai dua ratus perkataan.²

Persoalan yang timbul dalam konteks bahasa al-Quran al-Karim ialah bagaimanakah pemilihan perkataan itu dibuat? Adakah terdapat rahsia dan dasar tertentu dalam pemilihan sesuatu perkataan? Sebagai contohnya, dalam ayat 21 surah al-Ra‘d:

Maksudnya: *Mereka takut akan Tuhan mereka dan akibat buruk daripada hitungan amal.*

kenapa digunakan سُوءُ الْحِسَابِ untuk يَحْفَوْنَ dan رَتَهْمٌ untuk يَحْشُوْنَ sedangkan makna am kedua-duanya ialah takut? Apakah rahsia perbezaan tersebut? Begitu juga dalam ayat 153 surah al-An'am:

² Al-Suyutiyy. al-Muzhir. Hal. 1/405.

Maksudnya: *Bahwasanya inilah jalan-Ku yang lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan lain, lalu ia memecahbelahkan kamu dari jalan Allah, Dengan demikian itulah, Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

kenapa digunakan المصراط السبيل untuk jalan Allah SWT dan المصراط السبيل untuk jalan-jalan lain? Dalam ayat 17 surah al-Baqarah pula:

Maksudnya: *Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang yang menyalaikan api, maka apabila api itu menerangi sekelilingnya, Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan membiarkan mereka dalam gelap-gelita tanpa dapat melihat (sesuatu pun).*

kenapa digunakan tiga perkataan yang berbeza, iaitu نَارٌ ، ضَوْءٌ و نُورٌ ؟ Apakah perbezaan yang wujud antaranya?

Contoh-contoh ini menampakkan seolah-olahnya tiada sinonim dalam al-Quran al-Karim. Persoalannya apakah benar tiada sinonim dalam al-Quran al-Karim? Apa pun, yang pastinya mesti ada rahsia yang besar dan dasar tertentu di sebalik pemilihan perkataan-

perkataan ini. Sehubungan dengan itu juga, apakah tiada juga polisemi dalam dalam al-Quran al-Karim?

Dari aspek morfologi pula, pola-pola perkataan Arab sangat banyak dan mempunyai perbezaan yang halus bukan sahaja antara kategori berlainan seperti antara *sifat musyabbahat* dan *siighat mubaalaghah*, malah dalam kategori sama seperti antara *pola-pola jamak* dan sebagainya.

Persoalan yang timbul dalam konteks bahasa al-Quran al-Karim ialah bagaimana pemilihan struktur dibuat? Apakah perbezaan antara pola-pola tersebut? Apakah rahsia di sebalik pemilihan sesuatu pola, bukannya pola yang lain? Apakah ada satu dasar tertentu yang diikuti dalam pemilihan sesuatu pola?

Sebagai contoh, diperhatikan bahawa dalam al-Quran al-Karim digunakan pola yang berlainan daripada akar kata yang sama untuk situasi yang berlainan seperti perkataan ﴿٤٥﴾ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ dalam ayat 2 surah Qaf dan ayat 5 surah Sad:

﴿٤٥﴾ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ لَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ
لَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ لَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ
وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ

Maksudnya: *Bahkan mereka merasa hairan kerana datang kepada mereka*

seorang pemberi peringatan/amaran dari kalangan mereka sendiri,

lalu orang-orang kafir itu berkata: "Ini merupakan satu perkara yang pelik!"

لَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ
لَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ وَلَمْ يَرَوْهُمْ

Maksudnya: *Apakah ia menjadikan tuhan-tuhan yang banyak itu sebagai satu Tuhan sahaja?*

Sesungguhnya ini merupakan satu perkara yang pelik!"

Apakah perbezaan antara kedua-dua pola tersebut? Kenapa digunakan pola yang berbeza? Apakah rahsia tersebut?

Begitu juga digunakan perkataan طَهْرٌ dan تَطْهِيرٌ dalam ayat 222 surah al-Baqarah:

Maksudnya: *Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai haid. Katakanlah: Ia merupakan sesuatu yang mendatangkan mudarat. Maka hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan dalam masa datang haid itu, dan janganlah kamu hampiri (menyetubuhi) mereka sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan sentiasa mensucikan diri.*

Apakah perbezaan antara kedua-dua pola tersebut?

Dalam konteks kategori berlainan pula, kenapa digunakan umpamanya kata kerja kala kini ⑨☒♦③ yang bererti habis untuk manusia dan kata nama pelaku ☒♦④ yang bererti tetap kekal untuk Allah SWT dalam ayat 96 surah al-Nahl:

Maksudnya: *Apa yang ada pada kamu akan habis, dan apa yang ada di sisi Allah tetap kekal*

Kenapa pula umpamanya digunakan bentuk tunggal ﴿⌚◆❸❖﴾ untuk jalan Allah SWT dan jamak ﴿◀❖❻﴾ untuk jalan lain dalam ayat 153 surah al-An'am:

Apa yang pastinya, mesti terdapat sesuatu sebab dan rahsia tertentu di sebalik pemilihan pola dan bentuk tertentu?

Persoalan-persoalan seperti inilah yang timbul ketika membaca ayat-ayat al-Quran al-karim mendorong penulis untuk mengetahui jawapannya yang cuba diketengahkan dalam kajian ini.

Penulis sebenarnya kurang berpuas hati dengan metode sebahagian ahli-ahli bahasa Arab yang apabila menemui contoh-contoh sebegini mereka hanya memadai dengan menyatakan bahawa kedua-dua pola atau bentuk itu adalah sama dan dibolehkan dari aspek bahasanya tanpa menerangkan perbezaannya dalam konteksnya yang berlainan. Contohnya perkataan ☚③∅❶ yang dinyatakan bahawa ia boleh digunakan sebagai mudhakkir dan mu'annath seperti dalam ayat 22 surah Yunus:

Maksudnya: *Dialah Yang menjalankan kamu di darat dan di laut sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera dan ia bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik serta mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang.*

Persoalannya kenapa digunakan secara berlainan dalam konteks yang berbeza?

Begitu juga dengan perkataan استكح dalam ayat 50 surah al-Ahzab:

Maksudnya: Wahai Nabi, sesungguhnya Kami telah halalkan bagimu isteri-isterimu yang engkau berikan maskahwinnya, hamba-hamba perempuan yang engkau miliki dari apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu sebagai tawanan perang, anak-anak perempuan bapa saudaramu dari sebelah bapa, anak-anak perempuan emak saudaramu dari sebelah bapa, anak-anak perempuan bapa saudaramu dari sebelah ibu, anak-anak perempuan emak saudaramu dari sebelah ibu yang telah berhijrah bersama-sama dengannya dan perempuan yang beriman sekiranya dia memberikan dirinya kepada Nabi kalaualah Nabi suka berkahwin dengannya sebagai perkahwinan khas bagimu semata-mata, bukan bagi orang-orang mukmin umumnya.

yang dikatakan memberi makna yang sama sahaja dengan نَكْحٌ iaitu berkahwin.³ Persoalannya ialah kenapa tidak digunakan perkataan حَكْحٌ yang digunakan dalam penggunaan biasa?

Perkara ini juga dilakukan oleh ramai ahli bahasa dalam konteks umum bahasa Arab. Mereka hanya menyenaraikan sahaja pola-pola perkataan untuk sesuatu kategori tanpa menyentuh perbezaan maknanya. Inilah sebenarnya yang diperhatikankan oleh Faadil al-Saamarraa'iyy yang menyebut tentang perbincangan sebahagian ahli bahasa Arab mengenai pola-pola jamak dalam bahasa Arab dengan menyatakan:

*“Mereka tidak menerangkan makna pola-pola jamak. Mereka tidak membezakan قَعْلَةٌ dan فُعَالٌ dan ضِعَافٌ dan قَعْلَاءٌ seperti ضِعَافٌ و قَعْلَاءٌ ... ٰ... Tiada seorang pun yang menyentuh perkara ini setakat yang saya ketahui...tiada jawapan oleh ahli-ahli nahu dan tafsir”.*⁴

Al-Şabbaan juga ketika membincangkan perbezaan makna antara pola-pola jamak al-taksiir pernah menyatakan bahawa “Saya tidak pernah melihat adanya keterangan mengenai perkara itu”.⁵

Kadang-kadang jawapan yang diberikan adalah sangat umum dengan menyatakan bahawa ia adalah ciri bahasa Arab yang antaranya ialah menyebut bentuk jamak dengan makna mufrad, menyebut makna sebahagian dengan maksud keseluruhan, penambahan sesuatu perkataan dan sebagainya.⁶ Mereka menyatakan bahawa semuanya ini adalah ciri-ciri bahasa Arab tanpa memberi satu alasan kukuh yang meyakinkan mengenai kepelbagaian

³ Al-Jauhariyy. Al-Šihaah. Hal. 1/413.

⁴ Al-Saamarraa'iyy. Ma'aanii al-Abniyat Fii al-'Arabiyyat. Hal. 7.

⁵ Dipetik dari Al-Saamarraa'iyy. Ma'aanii al-Abniyat Fii al-'Arabiyyat. Hal. 6-7

⁶ Lihat beberapa ciri ini dalam al-Muzhir. Hal. 1/331-345

pengucapan ini sebagaimana alasan yang diberikan oleh Ibn Faaris mengenai kepelbagaian ini, malah dikaitkan dengan al-Quran al-Karim dengan menyatakan bahawa:

*“Semua ciri ini disebut dalam al-Quran supaya hujah Allah SWT ke atas mereka – orang Arab –menjadi lebih kuat dan supaya mereka tidak mengatakan bahawa kami lemah untuk menandinginya kerana ia bukan dengan bahasa kami dan bukan dengan ciri yang kami biasa gunakannya, maka Allah SWT menurunkannya dengan huruf yang mereka mengetahuinya dan ciri yang mereka gunakannya dalam sajak dan khutbah mereka supaya kelemahan mereka untuk menandinginya lebih jelas”.*⁷

Pendekatan seperti ini yang dilakukan oleh ramai ahli bahasa Arab mungkin sesuai dengan tujuan perkaedahan nahu yang digariskan oleh mereka, iaitu sekadar menyatakan sama ada sesuatu struktur itu betul atau salah. Walau bagaimanapun, persoalan perbezaan makna, khususnya antara pola perkataan harus dinyatakan apabila membicarakan atau menganalisis ayat al-Quran al-Karim yang mempunyai nilai bahasa yang seni dan halus.

Memang benar apa yang dinyatakan oleh Muhammad al-Amiin al-Khuḍariyy mengenai keperluan kajian yang terperinci dan menyeluruh - dalam konteks *harf* dalam al-Quran al-Karim - bahawa:


“Perlunya satu kajian lengkap yang mengumpulkan perkara-perkara yang sama dan membandingkan antara struktur-struktur al-Quran al-Karim yang hampir sama yang lafadznya sama atau hampir sama tetapi berbeza harf penyambug dengan tujuan untuk membongkar tempat-tempat balaghah dan bentuk-bentuk i’jaz dan bukan hanya terbatas kepada takwilan-takwilan yang bertujuan menerangkan

⁷ Al-Suyuṭiy. Al-Muzhir. Hal. 1/342

*ketepatan uslub-uslub tanpa menjangkaui isyarat harf atau hanya terbatas pada beberapa contoh sahaja yang disebut oleh ahli nahu dan balaghah”*⁸.

Persoalan-persoalan yang dinyatakan tadi adalah berkaitan dengan pemilihan perkataan dan struktur-struktur tertentu dalam al-Quran al-Karim secara am. Namun, persoalan yang agak menarik difokuskan ialah bagaimana pemilihan perkataan dan struktur morfologi dilakukan dan digarapkan serta dicernakan secara bersepada dalam surah tertentu, khususnya surah al-Fatihah yang merupakan surah yang paling terpenting dalam al-Quran al-Karim? Persoalan inilah juga yang cuba dijawab oleh penulis dalam tesis ini.

Penulis sebenarnya tertarik dengan persoalan dan kupasan yang dilakukan oleh Ibn al-Qayyim dalam kitab “*Badaa’i‘ al-Fawaa’id*” ketika membincangkan ayat 6 dan 7 surah al-Fatihah, iaitu:



Maksudnya: *Tunjukilah kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukannya (jalan) orang-orang yang di murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*

Beliau menyatakan bahawa terdapat dua puluh isu atau persoalan dalam dua ayat ini dan seterusnya beliau membincang serta menganalisisnya dengan cukup menarik.⁹ Setelah diteliti, penulis mendapati bahawa sebahagian besarnya merupakan persoalan-persoalan berkaitan bahasa Arab khususnya perkataan dan struktur morfologi. Persoalan yang timbul

⁸ Muhammad al-Amīn al-Khuḍāriyy. *Min Asraar Ḥuruuf al-Jarr Fii al-Dhikr al-Ḥakiim*. Hal. 4

⁹ Ibn al-Qayyim. *Badaa’i‘ al-Fawaa’id*. Hal. 2/9-40. Penulis akan membincangkannya secara khusus dalam bab keempat nanti.

ialah apakah terdapat pendapat-pendapat lain mengenainya? Apakah ayat-ayat lain dalam surah al-Fatiyah juga mempunyai persoalan pemilihan perkataan dan struktur morfologi yang menarik untuk dibincang dan dianalisis? Hal ini juga merupakan persoalan yang dibincangkan, malah menjadi fokus penulis dalam tesis ini.

1.2 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian tadi, penulis menggariskan objektif kajian ini seperti berikut:

- a- Mengenal pasti rahsia dan dasar pemilihan perkataan secara am dalam al-Quran al-Karim.
- b- Menenal pasti rahsia dan dasar pemilihan struktur morfologi secara am dalam al-Quran al-Karim.
- c- Menganalisis surah al-Fatiyah yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri secara terperinci dan bersepada dari aspek pemilihan perkataan dan struktur morfologi.
- d- Merumus kehalusan dan kesenian bahasa al-Quran dari dua aspek utama, iaitu perkataan dan struktur morfologi.

1.3 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian tadi, penulis meletakkan soalan-soalan berikut yang cuba dijawab dalam tesis ini, iaitu:

- a- Apakah rahsia dan dasar pemilihan perkataan secara am dalam al-Quran al-Karim?
- b- Apakah rahsia dan dasar pemilihan struktur morfologi secara am dalam al-Quran al-Karim?

- c- Bagaimana surah al-Fatiha yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri dapat dianalisis secara bersepada dari aspek pemilihan perkataan dan struktur morfologi?
- d- Apakah bentuk-bentuk kehalusan dan kesenian bahasa al-Quran dari dua aspek utama, iaitu perkataan dan struktur morfologi?

1.4 Hipotesis Kajian

Dalam usaha untuk menjawab soalan-soalan tadi, melalui pembacaan awal, penulis dapat membuat hipotesis dan tanggapan bahawa al-Quran al-Karim mempunyai sebab, rahsia dan dasar tertentu dalam pemilihan perkataan dan struktur morfologinya. Secara amnya boleh dikatakan pemilihan tersebut berpaksikan kepada makna yang tepat dan tersirat dengan menggunakan ciri-ciri bahasa Arab itu sendiri yang memiliki kehalusan dan perincian makna serta kepelbagaian pola, sesuai dengan situasi dan konteks sesuatu ayat itu. Ini disebut sebagai balaghah yang merupakan aspek terpenting mukjizat al-Quran al-Karim. Semuanya ini menyumbang kepada pembentukan ungkapan dan ayat yang memiliki makna yang mendalam dan luas bukan sahaja melalui makna leksikal dan tersurat sahaja, malah melalui makna tersirat juga, tetapi hanya dengan menggunakan perkataan yang sedikit sahaja. Ia disebut sebagai sebagai *iijaaz* yang menyebabkan ayat-ayat al-Quran al-Karim ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran oleh ulama sepanjang zaman.

Penulis juga mempunyai hepotisis dan tanggapan bahawa untuk melihat keunggulan dan kehebatan sesuatu teks al-Quran al-Karim, maka analisis yang dilakukan tidak boleh terbatas kepada tahap makna leksikal dan semantik sahaja, tetapi paling kurangnya hendaklah melibatkan juga satu tahap lain berikutnya seperti morfologi. Pemisahan antara tahap-tahap analisis bahasa yang dilakukan pada hari ini dalam sebahagian kajian sebenarnya hanyalah untuk tujuan pengkhususan dan pengajaran sahaja.

1.5 Metodologi Kajian

Untuk mencapai objektif kajian yang digariskan, penulis menggunakan beberapa metodologi kajian. Secara amnya, metodologi kajian ini hanya terbatas kepada kajian perpustakaan sahaja tanpa menggunakan metode kajian lapangan.

Secara khususnya pula, metode yang digunakan ialah metode pengumpulan data dan analisis data. Data dikumpul daripada pelbagai jenis buku dan rujukan dalam berbagai bidang berkaitan kajian, iaitu semantik, morfologi, balaghah dan tafsir. Data-data yang dikumpul diasingkan dan diagihkan mengikut bab-bab dan ceraian-ceraian yang dirancang. Data-data yang dikumpulkan ini kemudiannya dianalisis mengikut tajuk yang dibincangkan.

Dalam konteks analisis ini, berdasarkan persoalan dan objektif kajian, pertamanya penulis melakukan analisis terhadap pemilihan perkataan dalam al-Quran al-Karim. Untuk melihat ketepatan dan kehalusan makna, pada dasarnya analisis yang dibuat adalah berdasarkan Teori Komponen Makna. Pada tempat yang sesuai, penulis menggunakan metode analisis perbandingan antara perkataan-perkataan yang mempunyai makna yang berdekatan dan hampir sama khususnya yang berkaitan dengan makna tersirat dan sinonim dengan menggunakan Teori Konteks.

Perbincangan seterusnya dilakukan terhadap pemilihan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim. Dalam konteks ini, analisis yang dilakukan secara amnya adalah berdasarkan “struktur mantap morfologi Arab” yang terdapat dalam buku-buku morfologi Arab. Secara khususnya pula analisis dilakukan dengan menggunakan metode perbandingan antara kategori struktur morfologi yang sama seperti perbandingan antara bentuk-bentuk jamak,

pola-pola *mashdar* dan sebagainya. Begitu juga perbandingan antara kategori struktur morfologi yang berlainan seperti perbandingan antara kata nama pelaku dan *ṣiighat mubaalaghāt*, antara *sifat musyabbahāt* dan *ṣiighat mubaalaghāt* dan sebagainya. Oleh itu, tajuk-tajuk kecil dibahagikan dan diolah dalam bentuk perbandingan.

Perbandingan juga dilakukan lebih khusus lagi antara perkataan yang mempunyai akar kata yang sama tetapi dengan pola dan struktur morfologi yang berlainan dalam sesuatu ayat atau beberapa ayat. Begitu juga dengan satu ayat yang mempunyai kedua-dua contoh yang mewakili tajuk yang ingin dianalisis atau dua ayat yang hampir serupa kecuali pada perkara yang ingin dianalisis. Ini adalah bertujuan untuk menyerlahkan perbezaan antara kedua-dua struktur morfologi yang dibandingkan dan memantapkan analisis.

Dalam kedua-dua aspek perkataan dan morfologi ini, memandangkan skopnya yang sangat luas, penulis menggunakan metode *intiqaa'* atau pilihan serta kualitatif dan tidak menggunakan metode statistik atau kuantitatif dalam kajian ini, kerana skopnya yang luas dan tujuan penulis hanyalah mencari rahsia kehalusan bahasa al-Quran secara am dan menyeluruh, bukannya secara terperinci untuk setiap tajuk morfologi. Oleh itu, apa yang termampu dilakukan oleh penulis adalah cuba mencari dan memilih contoh-contoh yang sangat relevan berdasarkan apa yang disebut dan dibincangkan oleh ulama dan ahli bahasa.

Seterus perbincangan difokuskan kepada analisis pemilihan perkataan dan struktur morfologi dalam surah al-Fatihah. Dalam analisis ini, Teori Komponen Makna dan Teori Konteks digunakan untuk memperolehi makna yang tepat dan menyeluruh bagi perkataan-perkataan yang terdapat dalam surah ini. Di samping itu, penulis juga menggunakan metode syumul atau komprehensif dan bersepada tanpa membahagikan analisis ini kepada dua aspek tadi, iaitu perkataan dan morfologi secara berasingan, tetapi ia digabungkan sekali dan dibincangkan bersama, kerana sekiranya kedua-dua aspek tadi dianalisis secara

berasingan ia tidak menampakkan kesepadan dan kesatuan serta kurang menyerlahkan kehalusan bahasa al-Quran al-Karim yang harus dilihat secara serentak sebagai satu unit bersepadu. Penulis juga turut menyentuh aspek balaghah pada tempat-tempat yang terdapat analisisnya.

Dalam menganalisis ayat-ayat al-Quran al-Karim sama ada secara amnya dalam al-Quran al-Karim atau khasnya dalam surah al-Fatiyah sahaja, penulis memberi penekanan kepada persoalan perbezaan makna yang halus antara perkataan-perkataan atau struktur-struktur morfologi tersebut dan dasar pemilihan yang dibuat.

Dalam analisis ini juga, penulis bersandarkan kepada pendapat-pendapat yang diutarakan oleh ulama dan ahli bahasa silam, kerana penulis berpendapat ia merupakan asas yang harus dimulai dalam menganalisis bahasa al-Quran al-Karim. Pendapat ulama silam ini akan digabungkan dan dicernakan dengan pendapat dan analisis ahli-ahli bahasa moden khususnya dari kalangan ahli bahasa Arab sendiri, tanpa mengabaikan langsung pendapat-pendapat dan teori-teori bahasa dari ahli bahasa bukan Arab khususnya teori semantik dalam usaha untuk memantapkan lagi kajian ini. Segala pendapat tersebut dibincangkan secara kritis dalam menganalisis ayat-ayat al-Quran. Penulis juga mencuba sekadar termampu untuk memberi pendapat peribadi mengenai isu yang dibincangkan sama ada dengan *mentarjih* mana-mana pendapat atau memberi pendapat sendiri sekiranya ada. Oleh itu, penulis menyebut ayat yang mengandungi contoh perkataan atau struktur morfologi yang akan dianalisis terlebih dahulu, diikuti dengan pendapat ulama dan ahli-ahli bahasa serta pendapat penulis sendiri mengenainya.

Berhubung dengan istilah, pada dasarnya sekiranya sesuatu konsep itu mempunyai persamaan yang besar antara istilah Arab dan Melayu atau penggunaannya agak meluas dalam kalangan ahli akademik, penulis menggunakan istilah Melayu. Sebaliknya sekiranya

konsepnya sangat jauh atau kurang meluas penggunaannya, penulis mengekalkan istilah Arab dengan menggugurkan ^ا padanya untuk memudahkan bacaan.

1.6 Bidang dan Batasan Kajian

Dari sudut komponen bahasa, sesuatu bahasa itu secara amnya dilihat dan dikaji dari aspek huruf, perkataan, morfologi, sintaksis dan wacana. Namun, dalam kajian ini penulis hanya melihat dari dua aspek utama sahaja, iaitu perkataan dan morfologi. Aspek fonetik, sintaksis dan wacana tidak dibincangkan kerana ia akan menjadikan kajian ini terlalu luas. Walau bagaimanapun, kadang-kadang ia turut disentuh dalam skop yang terbatas, tetapi sebagai elemen pelengkap makna dan bukannya elemen utama mengikut kehendak dan kesesuaian konteks ayat apabila ia berperanan mengukuhkan perbincangan perkataan dan struktur morfologi.

Justeru, kajian ini melibatkan dua bidang atau disiplin utama ilmu bahasa, iaitu semantik dan morfologi secara langsung. Oleh kerana semantik kadang-kadang melibatkan juga ilmu balaghah, maka penulis turut membincangkan aspek-aspek balaghah tertentu khususnya makna majazi dan makna kinayah serta ayat penyata ketika menganalisis perkataan dalam al-Quran al-Karim dan surah al-Fatihah. Ini bererti bahawa disiplin ilmu balaghah tidak termasuk dalam bidang kajian ini secara langsung, tetapi disentuh secara tidak langsung sahaja sebagai elemen makna. Justeru, penulis tidak membincangkannya secara khusus dalam bab yang tersendiri, malah tidak disusun mengikut susunan tradisionalnya seperti dalam buku balaghah, tetapi ia dilihat dari sudut semantik dan dimasukkan serta dibincangkan pada tempat yang sesuai.

Begitu juga dengan bidang fonetik yang bukan merupakan bidang kajian ini, namun kadang-kadang bunyi huruf turut disentuh khususnya apabila ia berfungsi memperkuuhkan makna leksikologi mahupun morfologi.

Walaupun nampaknya bidang kajian ini adalah luas, tetapi bertitik tolak daripada hipotesis yang disebutkan bahawa untuk menyerlahkan kehalusan bahasa al-Quran al-Karim adalah kurang wajar dibataskan analisisnya kepada satu tahap sahaja, maka penulis menggunakan ketiga-tiga bidang ini dalam menganalisis teks al-Quran al-Karim.

Oleh kerana kajian ini melibatkan bidang dan skop yang agak luas, maka penulis telah membuat beberapa batasan terhadap kajian ini. Pertamanya perbincangan dibataskan kepada makna, iaitu makna leksikal dan makna morfologi. Dalam konteks kedua-dua makna tersebut, penekanan diberikan kepada ketepatan dan kehalusan makna serta persoalan sebab dan rahsia pemilihan sesuatu perkataan atau struktur morfologi dalam sesuatu ayat. Dengan kata lain, penekanan diberikan kepada persoalan kenapa dipilih perkataan dan struktur tertentu dan bukannya perkataan atau struktur lain dalam konteks tersebut dengan melihat kepada maknanya yang tepat dan halus. Oleh itu, kajian ini tidak akan membincangkan mengenai perkara-perkara yang tidak melibatkan perbezaan makna atau yang melibatkan perbezaan makna yang sudah jelas. Perkataan “pemilihan” dalam tajuk kajian ini sebenarnya memberi gambaran batasan dan penekanan ini.

Sehubungan dengan itu, dalam konteks perkataan, teori semantik yang digunakan ialah teori Kompenan Makna dan Konteks Makna, manakala jenis makna yang dianalisis ialah makna tersurat, makna tersirat, makna majazi dan makna kinayah. Dalam konteks morfologi pula, penekanan diberikan kepada perbandingan antara struktur-struktur morfologi seperti perbandingan antara kata nama pelaku dan kata kerja kala kini, kata nama pelaku, *sifat musyabbahat* dan *siighat mubaalaghah* dan seumpamanya yang merupakan struktur utama morfologi sebagaimana yang dapat dilihat dalam kandungan kajian. Oleh itu, kajian ini tidak akan menyentuh struktur-struktur morfologi yang tidak boleh dibuat perbandingan dan bukan utama seperti *taṣghīr* dan *nasab*. Demikian juga, kajian ini tidak membincangkan sesuatu struktur morfologi secara bersendirian dan berasingan.

Kajian ini juga memberi penekanan kepada analisis perkataan dan struktur morfologi, maka ia tidak menekankan perincian teori mengenai perkataan dan struktur morfologi serta pembahagian dan semua kaedahnya sebagaimana yang dibincangkan dalam buku semantik, filologi dan morfologi Arab. Untuk setiap sub tajuk perkataan dan struktur morfologi, penulis hanya menganalisis beberapa contoh yang relevan khususnya yang terdapat banyak pendapat dan perbincangan mengenainya kerana yang ditekankan oleh penulis ialah rahsia dan alasan pemilihan perkataan dan struktur morfologi yang melibatkan makna yang halus, bukannya perkaedahan kedua-duanya.

Begitu juga, kajian ini juga memfokaskan kepada realiti dan nilai bahasa itu sendiri. Oleh itu, kajian ini tidak menyentuh perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahli bahasa yang lebih bersifat falsafah bahasa dan kurang mempunyai nilai balaghah seperti pendapat Ibn al-Qayyim yang mengingkari majaz dalam bahasa Arab.

Akhirnya penulis telah memilih surah al-Fatihah sebagai satu surah yang dianalisis sepenuhnya berdasarkan aspek perkataan dan morfologi. Ia pula hanya terhad kepada *qiraa'at 'Aaṣim riwaayaat Ḥafṣ* sahaja pada dasarnya tanpa disentuh *qiraa'at* lain. Rasional pemilihan surah ini adalah kerana ia mempunyai banyak keistimewaannya. Antaranya ia merupakan *umm al-kitaab* dan dibaca oleh orang-orang Islam dalam solat sebagai satu rukunnya dan juga ibadat-ibadat lain. Banyak perkara berkaitan pemilihan perkataan dan struktur morfologi dalamnya yang menarik untuk dibincangkan.

Satu perkara yang perlu disebut ialah penulis turut menyentuh tentang terjemahan dan kadang-kadang hukum fiqh yang berkaitan dengan perkataan atau struktur morfologi yang dianalisis apabila terdapat keperluan dan kesesuaian yang dapat memantapkan lagi analisis dan kefahaman makna sesuatu ayat.

1.7 Kajian Terdahulu

Kajian penulis adalah berkaitan dengan analisis perkataan dan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim secara amnya dan surah al-Fatihah secara khasnya. Justeru, penulis akan meninjau sekadar yang termampu kajian-kajian terdahulu yang menganalisis perkataan dan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim secara amnya dan surah tertentu secara khasnya. Di samping itu, penulis juga turut meninjau kajian-kajian terdahulu yang mempunyai kaitan tidak langsung dengan perkara tadi sama ada dari bidang sintaksis mahu pun balaghah.

Dalam konteks kajian mengenai perkataan dalam al-Quran al-Karim, terdapat kajian umum oleh Sa‘d al-Kurdiyy yang bertajuk:

بُدُورُ الدِّرَاسَةِ الدَّلَائِيَّةِ لِأَلْفَاظِ الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ¹⁰

(Kajian Awal Semantik Perkataan-Perkataan al-Quran al-Karim)

Ia membincangkan mengenai sejarah awal kajian makna perkataan al-Quran al-Karim. Antara dapatan utama kajian ini ialah kajian mengenai perkataan Arab bermula dengan al-Quran al-Karim sendiri kerana mendalam pengkajian bahasa Arab merupakan satu perkara utama untuk memahami al-Quran al-Karim. Ia dilakukan secara amnya oleh ahli tafsir dan *qurra'* yang boleh dibahagikan secara khasnya kepada beberapa golongan, iaitu ulama *ghariib al-Quran*, ulama *qiraat*, pengkaji bahasa al-Quran al-Karim, pengkaji *wujuuh wa nażaa'ir* al-Quran, pengkaji polisemi al-Quran dan ahli tafsir mengikut method bahasa.

Secara khususnya, pula terdapat kajian-kajian yang membincangkan mengenai sesuatu perkataan dalam al-Quran al-Karim. Antaranya ialah disertasi bertajuk “Perkataan Zikir Dalam Al-Quran Dan Perbahasannya Dari Sudut al-Balaghah”¹¹ oleh Shukriah binti Che Kasim. Ia membincang dan menganalisis semua perkataan zikir dan kata terbitannya dalam

¹⁰ Majallat Majma‘ al- Lughat al-‘Arabiyyat bi al-Qaahirat. www.voiceofarabic.net.

¹¹ Disertasi Sarjana di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia tahun 2007.

al-Quran al-Karim dari sudut makna, nahu dan balaghah berpandukan pandangan dan penafsiran ulama. Antara dapatan kajiannya yang penting ialah perkataan zikir memberi beberapa makna, iaitu al-Quran al-Karim, taat, azan, sembahyang, menunaikan syiar Allah, berdoa, berzikir dan sentiasa mengingati Allah SWT. Dari sudut nahu dan balaghah pula, perkataan zikir digunakan dengan pelbagai pola dan uslub seperti kata kerja suruhan, kata kerja kala kini, *qaṣr*, *muqaabalat*, *jinaas*, *tasybih*, *isti ‘aarat* dan sebagainya. Kepelbagaiannya pola dan uslub ini membawa kepada satu titik akhir, iaitu bertujuan mengingati Allah SWT melalui basahan lidah dengan zikir dan bayangan akal fikiran tentang kehebatan Allah SWT.

Seterusnya ialah disertasi oleh Muhammad Syauqi bin Mohamad Zuhair bertajuk:

¹² مَفْهُومُ الْحَسَدِ فِي الْقُرْآنِ وَآثَارُهُ: دِرَاسَةٌ مَوْضُوعِيَّةٌ

(Konsep Hasad Dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Mauḍu‘iyy)

Ia membincangkan mengenai konsep hasad dengki dalam al-Quran al-Karim dengan mengkaji dan menganalisis secara komprehensif dan detail ayat-ayat yang berkaitan dengannya khususnya dalam kisah Adam dan Iblis, Qabil dan Habil, Nabi Yusuf dan saudaranya dan sebagainya. Antara dapatan utamanya ialah hasad merupakan bencana yang membantut pemikiran dan kreativiti serta merosakkan individu dan umat dari sudut kepercayaan, sosial, ekonomi dan politik.

Kajian yang hampir sama ialah disertasi oleh Muhammad Fadhli bin Khalid bertajuk:

¹³ مَفْهُومُ الْخُسْرَانِ فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ: دِرَاسَةٌ مَوْضُوعِيَّةٌ

(Konsep Rugi Dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Mauḍu‘iyy)

¹² Disertasi Sarjana di Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia tahun 2005.

¹³ Disertasi Sarjana di Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia tahun 2005.

Ia membincangkan mengenai konsep rugi dalam al-Quran al-Karim dengan mengkaji dan menganalisis perkataan **خسارة** dan kata terbitannya yang berkaitan dengan ciri kerugian dan cara menjauhinya serta contoh orang-orang yang rugi. Antara dapatan utamanya ialah al-Quran al-Karim menerangkan konsep dan ciri-ciri kerugian dengan jelas dan memberi amaran kepada manusia daripada terlibat dengannya.

Antaranya juga ialah kajian oleh Abdullah Ahmad bertajuk:

الآيات التي ذكر فيها لفظ الحسنة في القرآن الكريم : دراسة موضوعية بيانية¹⁴

(Ayat-ayat yang Disebut Perkataan “Penyesalan” Dalam al-Quran al-Karim:

Satu Kajian Mauḍuu‘iyy Bayaaniyy)

Ia membincangkan mengenai perkataan **الحسنة** (penyesalan) yang terdapat dalam al-Quran al-Karim dari sudut makna dan penyebabnya. Antara dapatan utamanya ialah penyesalan boleh terjadi di dunia dan akhirat dan penyesalan sebenarnya adalah di akhirat, manakala cara untuk menghindarinya adalah dengan menjauhi penyebabnya yang antaranya ialah maksiat dan munkar.

Kajian lain oleh Muhammad Adiib bertajuk:

النُّرُوقُ اللُّغُوئِيُّ بَيْنَ الْفَاظِ الْأَخْرَى فِي الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ¹⁵

(Perbezaan Makna Antara Perkataan-Perkataan “Mengambil” Dalam al-Quran al-Karim)

Ia membincangkan mengenai perkataan **أخذ** yang bererti mengambil dan perbezaan maknanya yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran al-Karim, di samping membandingkannya dengan beberapa perkataan lain yang hampir maknanya. Antara dapatan utamanya ialah perkataan ini digunakan dengan makna asal bahasanya, iaitu memperolehi sesuatu melalui penguasaan dan kekerasan/paksaan. Perkataan-perkataan lain yang hampir sama dengannya digunakan secara hakikat dan majazi.

¹⁴ Majallat Al-Manaarat, Bil. 6. 2009.

¹⁵ Majallat Jaami‘at Umm al-Qura Li Uluum al-Syarii‘at Wa al-Diraasaat al-Islaamiyyat, Bil. 50. 2010. Hal. 157-196.

Di samping itu, terdapat kajian yang membincangkan sesuatu konsep dalam al-Quran al-Karim dari satu perspektif sahaja. Antaranya ialah kajian oleh Mohd Sukki Othman bertajuk “Manusia Dalam al-Quran al-Karim: Satu Kajian Dari Perspektif *al-Mathal al-Šariih*”¹⁶. Ia membincangkan mengenai tiga golongan manusia dalam al-Quran al-Karim melalui *al-mathal*, iaitu golongan beriman, kafir dan munafiq. Antara dapatan utama kajian ini ialah al-Quran al-Karim menyebut ciri-ciri setiap golongan secara terperinci dengan menggunakan unsur-unsur semulajadi yang bertepatan dengan kehendak naluri dan kehidupan manusia seperti alam semula jadi dan haiwan.

Berhubung dengan kajian yang dilakukan berkaitan struktur morfologi dalam al-Quran al-Karim, antaranya ialah disertasi bertajuk “Kajian Maskulin Dan Feminin Dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Dalam Surah Al-Waqi’ah”¹⁷ oleh Abd. Rauf bin Haji Hassan. Ia membincangkan mengenai semua aspek berkaitan maskulin dan feminin yang merangkumi konsep, bentuk, pemakaian, kategori, cabang, pembahagian dan seterusnya menganalisis surah al-Waqi’ah dari kedua-dua sudut maskulin dan feminin. Antara dapatan utamanya ialah surah ini mengandungi semua kategori maskulin dan feminin. Maskulin terbahagi kepada tiga bahagian, kata nama, kata kerja dan *adawat*, manakala feminin terbahagi kepada dua bahagian sahaja, iaitu kata nama dan kata kerja. Di samping itu, terdapat perkara yang boleh dimaskulinkan atau difemininkan seperti perkataan *السموم* dan *الشجر*.

Seterusnya kajian yang berkaitan dengannya ialah disertasi bertajuk “Analisis Tadhkir dan Ta’nith Kata Kerja Untuk Pelaku Mu’annath Yang Sama Di dalam al-Quran”¹⁸ oleh Mohd Nazmi bin Desa. Ia membincang mengenai sesuatu perkataan yang berposisikan pelaku dan mempunyai sesuatu kata kerja, tetapi digunakan dalam bentuk mudhakkak dan mu’annath dalam dua ayat yang berlainan. Pelaku yang dibincangkan itu mempunyai beberapa jenis,

¹⁶ AL-BAYAN Journal of al-Quran & al-Hadith. Bil. 2. 2004. Hal. 37-56.

¹⁷ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya tahun 1998.

¹⁸ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya tahun 2001.

iaitu *mu'annath majaaziyy*, *jamak taksiir*, *jamak mu'annath saalim* dan *ism jamak*. Antara dapatan utamanya ialah terdapat lima sebab diharuskan penggunaan kata kerja dalam bentuk mudhakkar dan *mu'annath* untuk pelaku yang sama, iaitu *mu'annath* tidak hakiki, ia boleh ditakwilkan dengan *mu'annath*, terdapat pemisah, aspek makna perkataan pelaku dan konteks ayat. Dua sebab terakhir merupakan pelengkap dan dapat memberi jawapan yang memuaskan terhadap persoalan yang timbul.

Antara kajian jenis ini juga ialah disertasi oleh Siti Hasliza binti Mat Yusuf bertajuk:

¹⁹ " دراسة صرفيّة في الفعل الماضي، وسُورَةُ الْأَغْرَافِ مُؤَذِّجًا "

(*Kajian Morfologi Mengenai Kata Kerja Kala Lampau: Surah al-A'raf Sebagai Contoh*)

Ia membincang dan menganalisis kata kerja kala lampau dalam surah al-A'raf dari sudut kepelbagaiannya dan maksud imbuhaninya. Antara dapatan utamanya ialah kata kerja kala lampau bukan sahaja menunjukkan masa lampau, malah mungkin masa-masa lain bergantung kepada konteks ayat dan agen nahu yang mendahuluinya.

Seterusnya kajian yang menyerupainya ialah disertasi bertajuk "Penggunaan Kata Kerja Muðaari‘ Dalam Surah al-Anbiya’ Dari Aspek Binaan Dan Kala"²⁰ oleh Abd. Rahman bin Jamaan. Ia membincangkan mengenai kata kerja muðaari‘ dari sudut struktur binaan dan kalanya dan seterusnya menganalisis penggunaannya dalam surah al-Anbiya’. Antara dapatan utamanya ialah terdapat 72 ayat yang mengandungi kata kerja muðaari‘ dalam surah ini. Kala yang paling banyak digunakan ialah kala depan, diikuti dengan kala kini, berterusan dan akhirnya ialah kala lampau. Kala depan banyak digunakan dalam konteks janji kepada orang yang beriman dan hari qiamat, manakala kala kini pula dalam konteks

¹⁹ Disertasi Sarjana di Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia tahun 2006.

²⁰ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2003.

kisah Nabi-Nabi dan orang musrikin di dunia yang ingkar. Kala berterusan pula banyak digunakan dalam konteks sifat dan perbuatan Allah SWT.

Seterusnya kajian yang hampir sama dengan dua kajian lalu ialah laporan penyelidikan bertajuk “Penggunaan Kata Kerja Maadii Dan Muðaari‘ Dalam Al-Quran Al-Karim: Satu Analisis Semantik Dalam Surah Aali ‘Imran”²¹ oleh Huzaimah binti Wasoh @ Mohamad Isa. Ia membincang dan menganalisis kata kerja maadii dan muðaari‘ dalam surah Aali Imran dengan memfokuskan kepada aspek semantik. Antara dapatan utamanya ialah kedua-dua kata kerja ini kadang-kadang digunakan dengan maksud masa yang berlainan daripada maksud asalnya mengikut konteks ayat supaya memberi kesan yang mendalam kepada pendengar dan pembaca.

Seterusnya ialah kajian bertajuk “Penggunaan Ism al-Faa‘il dan al-Fi‘l al-Muðaari‘ Di dalam al-Quran al-Karim: satu Kajian Dalam Surah Yasin” oleh Azhar bin Muhammad.²² Ia membincang dan menganalisis kedua-dua struktur morfologi ini dalam surah Yasin secara khasnya dari sudut makna dan masa serta maksud tersirat di sebaliknya. Antara dapatan utamanya ialah ism faa‘il menunjukkan perbuatan tetap dan pasti berlaku daripada pelaku dan kebiasaannya digunakan dalam kontaks berita gembira, janji syurga, janji neraka dan sebagainya, manakala fi‘l muðaari‘ pula menunjukkan masa kini dan akan datang. Penggunaan kedua-dua struktur morfologi ini dalam surah Yasin khususnya adalah tepat dan tidak boleh ditukar ganti.

Antara kajian jenis ini juga ialah disertasi bertajuk “Analisis Penggunaan Maṣdar Ṣariih Dalam Surah Luqman”²³ oleh Shamsinar binti Zakaria. Ia membincang dan menganalisis maṣdar ṣariih dengan memberi penekanan kepada kepelbagaiannya dari akar kata yang

²¹ Laporan penyelidikan di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2004.

²² Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2003.

²³ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2005.

sama dalam surah Luqman. Antara dapatan utamanya ialah setiap maṣdar dari akar kata yang sama digunakan dengan maksud yang berbeza yang menepati maksuddan konteks sesuatu ayat.

Berhubung dengan kajian yang mempunyai kaitan tidak langsung dengan kajian penulis sama ada dari bidang sintaksis mahu pun balaghah, antaranya ialah disertasi bertajuk “Anatomi Manusia Dalam Kinayah al-Quran”²⁴ oleh Rijaluddin bin Yahya. Ia membincangkan mengenai mengenai anggota badan atau anatomi manusia yang digunakan dalam al-Quran al-Karim dengan menggunakan teknik kinayah. Anatomi tersebut ialah tangan, jari, bahu, pipi, kepala, mata, muka, tulang, punggung, lidah, dan tapak kaki. Antara dapatan utamanya ialah anatomi yang paling banyak digunakan ialah tangan dan jenis kinayah yang paling banyak digunakan ialah kinayah sifat kerana anatomi tersebut digunakan menjelaskan sifat-sifat tertentu manusia seperti bakhil, pemurah, kecewa, sompong dan sebagainya.

Kajian yang hampir sama ialah disertasi bertajuk “Anatomi Manusia Dalam Uslub Majaz Mursal: satu Kajian Dalam al-Quran”²⁵ oleh Syazali Affendi bin A. Wahab. Ia membincangkan mengenai anatomi manusia juga dalam al-Quran al-Karim tetapi menggunakan teknik majaz mursal dengan tujuan untuk melihat hubungan dan makna tersirat di sebaliknya. Antara dapatannya yang penting terdapat 10 anatomi manusia yang menggunakan teknik ini, iaitu , tangan, jari, muka, mata, tengkuk, lidah, mulut, dada, tulang dan kaki. Teknik majaz mursal memberi gambaran yang halus dan terperinci serta meringkaskan makna majazi dengan lafaz yang pendek dan sedikit.

²⁴ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2001.

²⁵ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2006.

Antara kajian yang boleh dimasukkan dalam jenis ini juga ialah tesis bertajuk “Peranan Qariinat Dalam Pemahaman Makna Al-Qur’ān: Satu Analisis Dalam Surah Ali Imran”²⁶ oleh Reha Mustafa. Ia menganalisis ayat-ayat yang mengandungi majaz dengan semua bentuknya dalam surah Ali Imran dan membincangnya dari sudut qariinat dan peranannya dalam pemahaman makna al-Quran al-Karim. Antara dapatan pentingnya ialah terdapat 35 ayat daripada surah Ali Imran mengandungi perkataan majaz dan juga qariinat sama ada lafaz, keadaan atau akal memang berperanan menentukan makna majazi, namun kadang-kadang ia sahaja tidak cukup, malah perlu dilihat kepada hubungan antara makna asal dan makna majazi.

Seterusnya ialah disertasi bertajuk “Ism Fi‘l Dalam al-Quran: Satu Kajian Sintaksis”²⁷ oleh Najjah Salwa Abd. Razak. Ia membincangkan mengenai penggunaan ism fi‘l dengan segala jenis, iaitu ism fi‘l maqdii, muḍaari‘ dan amr dalam seluruh ayat al-Quran al-Karim. Antara dapatan utamanya ialah ism fi‘l amr paling banyak digunakan, iaitu sebanyak 6 tempat, diikuti oleh ism fi‘l muḍaari‘ sebanyak 3 tempat dan akhirnya ism fi‘l maaḍii sebanyak 1 tempat. Semuanya berfungsi sepertimana fungsi kata kerja yang diwakilinya. Dari sudut maknanya ia berperanan meringkaskan kata dengan makna yang padat dan mantap.

Begitu juga dengan disertasi bertajuk “Kata Tanya Hal Di Dalam al-Qur’ān: Satu Kajian Semantik”²⁸ oleh Zairul Bin Mat Zain. Ia membincangkan mengenai maksud yang terkandung di sebalik ayat tanya yang menggunakan partikel ﷺ dalam al-Quran al-Karim. Antara dapatan penting kajian ini ialah terdapat sebanyak 93 kata tanya ﷺ yang melibatkan 89 ayat dalam 45 surah. Pertanyaan ini mempunyai dua maksud utama, iaitu

²⁶ Tesis doktor falsafah di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2009.

²⁷ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2009.

²⁸ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2007.

hakiki dan majazi. Penggunaan maksud majazi lebih banyak digunakan dalam al-Quran al-Karim daripada maksud hakiki dengan pelbagai mesej di sebaliknya.

Antaranya juga ialah kajian oleh Riḍwaan Jamaal bertajuk:

مُبْتَكِرَاتُ الْقُرْآنِ الْعَوْيَّةُ وَعَادَاتُهُ²⁹

(Kreativiti Bahasa al-Quran al-Karim dan Kebiasaannya)

Ia membincangkan mengenai beberapa gaya bahasa baru yang digunakan oleh al-Quran al-Karim berbeza dengan gaya bahasa yang digunakan oleh penyajak dan sasterawan Arab. Antara dapatan utama kajian ini ialah al-Quran al-Karim menggunakan pelbagai gaya bahasa baru seperti penceritaan, perumpamaan dan kepadatan.

Dalam pada itu, terdapat satu kajian yang menganalisis surah al-Fatihah secara khusus tetapi dari sudut wacana, iaitu disertasi bertajuk “Analisis Wacana Tafsiran al-Quran: Tumpuan Surah al-Fatihah”³⁰ oleh Abdul Hamid bin Sulaiman. Ia menghuraikan sebanyak 70 kaedah wacana tafsiran al-Quran al-Karim yang diperlukan untuk mentafsirnya. Seterusnya ia menganalisis surah al-Fatihah mengikut jenis-jenis tafsiran, iaitu *ma’thuur*, *ra’y*, *firaq* dan semasa dengan mengambil dua tafsiran ulama bagi setiap jenis. Antara dapatan utamanya ialah perlunya mengetahui kaedah wacana tafsiran untuk mentafsir al-Quran al-Karim, harus mengguna pakai kaedah bahasa Arab dalam tafsir al-Quran al-Karim, tafsir *ma’thuur* adalah terbaik, tafsir *firaq* adalah tidak menentu dan tafsiran semasa adalah berteraskan realiti dan kesesuaian zaman.

Daripada sorotan tadi, didapati bahawa hampir keseluruhan kajian yang dilakukan membincang dan menganalisis perkataan atau struktur morfologi tertentu dalam al-Quran al-Karim secara amnya dan surah tertentu secara khasnya. Kajian mengenai surah al-Fatihah pula adalah dari sudut wacana tafsiran al-Quran al-Karim. Hal ini berbeza dengan

²⁹ Majallat al-Diraasaat al-Lughawiyat Wa al-Adabiyyat. Bil. Khas. 2011. Hal. 53-70.

³⁰ Disertasi Sarjana di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya tahun 2000.

kajian yang dijalankan oleh penulis yang mengkaji keseluruhan surah al-Fatihah dengan menganalisis semua perkataannya dari sudut makna dan struktur morfologi secara terperinci.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana ia menjelaskan ciri-ciri kehalusan bahasa al-Quran al-Karim secara khusus dari aspek perkataan dan morfologi dan rahsia pemilihannya yang melibatkan makna halus dan tersirat. Perbincangan mengenai rahsia pemilihan sesuatu perkataan dan struktur morfologi yang melibatkan makna halus dan tersirat ini adalah amat penting kerana di sinilah terletaknya nilai sebenar ketinggian dan keunggulan bahasa khususnya bahasa al-Quran al-Karim, kerana kalau tiada unsur perbandingan dan pemilihan sesuatu perkataan dan struktur yang melibatkan makna halus dan tersirat, bagaimana mungkin diutamakan dan dipilih sesuatu perkataan atau struktur itu dan dikatakan bahawa ia lebih baik untuk sesuatu konteks ayat berbanding dengan perkataan dan struktur yang lain.

Analisis surah al-Fatihah pula dalam bentuk bersepada dapat menyerlahkan lagi kehalusan bahasa al-Quran dari sudut praktikalnya. Analisis surah al-Fatihah ini juga dalam masa yang sama merupakan contoh “analisis bahasa” atau “tafsiran bahasa” terhadap al-Quran al-Karim. Kebiasaan yang dilakukan oleh pengkaji lain adalah menganalisis satu struktur bahasa tertentu terhadap teks tertentu, tetapi apa yang dilakukan penulis adalah sebaliknya, iaitu menganalisis satu teks dari pelbagai aspek dan struktur bahasa. Semuanya ini menampakkan kehalusan dan keunggulan bahasa al-Quran al-Karim yang menjadikannya sebagai kitab mukjizat.

Kepentingan kajian ini juga sebenarnya bukan hanya terbatas kepada bahasa al-Quran al-Karim sahaja, malah turut menyentuh juga bahasa Arab itu sendiri. Dalam konteks perkataan, penulis cuba menggabungkan antara teori lama dan baru untuk memantapkan lagi perbincangannya khususnya penggunaan teori Komponen Makna dan pembahagian makna kepada tersurat, tersirat, majazi dan kinayah. Dalam konteks struktur morfologi pula, kepentingan kajian ini terletak pada perbincangan struktur-struktur morfologi dalam bentuk perbandingan yang berperanan menjelaskan perbezaan antaranya khususnya dari sudut maknanya yang halus berdasarkan analisis ayat al-Quran al-Karim.

Kepentingan kajian ini juga secara amnya dapat dilihat dalam konteks Malaysia yang kurang terdapat penulisan khususnya kajian ilmiah mengenai bahasa al-Quran al-Karim secara bersepadu. Secara khususnya pula, ia mempunyai kepentingan dan sumbangannya terhadap Fakulti Bahasa dan Linguistik sendiri, kerana terdapat kursus di peringkat sarjana muda dan sarjana yang membincangkan perkaitan antara bahasa Arab dan ilmu-ilmu Islam. Antara kandungan yang ditekankan dalam kursus tersebut ialah bahasa Arab dalam tafsir al-Quran al-Karim. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai salah satu rujukan utama untuk kursus tersebut.

Apakah terdapat perkara baru dalam kajian ini? Penulis tidak boleh mendakwa bahawa apa yang disebut dalam kajian ini merupakan perkara baru, kerana hampir keseluruhan kandungannya merupakan petikan dan pendapat ulama dan ahli-ahli bahasa. Satu perkara yang agak diterima umum bahawa walaupun kajian mengenai al-Quran al-Karim sentiasa terbuka, namun untuk membongkar satu penemuan baru yang sama sekali tidak disentuh langsung oleh orang lain adalah agak sukar.

Mungkin perkara baru yang dilakukan dan dibincangkan oleh penulis dalam kajian ini adalah bagaimana isi kandungannya diketengahkan, kerana setakat pengetahuan penulis

tiada kajian yang membahagikan perbincangannya seperti yang dilakukan oleh penulis dalam kajian ini khususnya metode perbandingan antara struktur morfologi dan analisisnya terhadap ayat al-Quran al-Karim terutamanya dalam konteks kajiannya di Malaysia. Begitu juga dengan *tarjih* dan pendapat sendiri yang cuba diberikan oleh penulis setelah menyebut dan membincangkan pendapat ulama dan ahli bahasa ketika menganalisis sesuatu ayat. Demikian juga dengan analisis bahasa secara bersepada dan khusus, walaupun pada dua tahap sahaja, iaitu perkataan dan morfologi terhadap surah al-Fatiha sepenuhnya tanpa memasukkan unsur tafsiran agama.

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama ialah pengenalan yang menerangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian ini sendiri. Ia merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, metodologi kajian, batasan kajian, kajian terdahulu, kepentingan kajian dan rangka kajian.

Dua bab seterusnya merupakan analisis umum terhadap ayat-ayat al-Quran al-Karim mengikut tajuk-tajuk berkaitan perkataan dan struktur morfologi yang boleh dianggap sebagai landasan teori kajian ini. Justeru, bab kedua membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan perkataan dari sudut semantiknya dan menganalisis ayat-ayat al-Quran al-Karim serta melihat bagaimana pemilihannya dibuat dan apakah dasar yang diikuti dalam pemilihan tersebut. Antara tajuk-tajuk yang dibincangkan ialah konsep dan teori makna, jenis-jenis makna, pembahagian perkataan, pemilihan perkataan dalam al-Quran al-Karim dan sebagainya.

Bab ketiga pula membincangkan struktur-struktur morfologi dan menganalisis ayat-ayat al-Quran al-Karim serta melihat bagaimana pemilihannya dibuat dan dasar yang diikuti.

Tajuk-tajuk morfologi yang dibincangkan merangkumi kata nama dan kata kerja dengan pelbagai jenis masing-masing yang diketengahkan dalam bentuk perbandingan seperti perbandingan antara kata nama pelaku dan *sifat musyabbaht*, kata nama pelaku dan kata kerja kala kini dan sebagainya.

Sementara bab keempat merupakan bab analisis terhadap surah al-Fatihah secara khusus. Walaupun ia adalah khusus kepada surah yang pendek ini sahaja, tetapi analisisnya adalah bersepada yang merangkumi aspek perkataan dan morfologi. Ia sebenarnya adalah aplikasi dua bab sebelumnya terhadap surah al-Fatihah dan merupakan fokus kajian ini yang bertujuan untuk menyerlahkan kehalusan bahasa al-Quran al-Karim.

Bab kelima yang merupakan bab akhir merupakan rumusan daripada perbincangan lalu yang diakhiri dengan mengutarkan beberapa cadangan yang relevan dengan tajuk kajian ini secara khususnya dan bahasa al-Quran al-Karim secara amnya serta juga pengajarannya serta pengajaran bahasa Arab itu sendiri di Malaysia.

1.10 Penutup

Bab ini menghuraikan gambaran umum kajian yang dilakukan oleh penulis dari pelbagai sudut. Doa dan harapan penulis agar kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat sama ada dari sudut akademiknya kepada kajian berkaitan al-Quran al-Karim dan bahasa Arab sendiri, mahupun faedahnya kepada orang ramai.